

**UPM dan JWN
julung kali anjur
persidangan
pembungkusan
makanan
ASEAN**

Berita Utama - 2



**Program Iftar
Mega Putra 3.0
jalin
kebersamaan di
kalangan warga
UPM**

Fokus - 3



**Rehabilitasi
hutan, tingkat
kualiti tanah**

Experts' Point of View - 6



SPE UPM Recognised as an International Business School

By: Dahlan Ismail Abu Bakar

PARIS, June 12 – The School of Business and Economics (SPE), Universiti Putra Malaysia (UPM), has been recognised as an international business school at the annual conference of the European Foundation for Management Development (EFMD), an international accreditation body.

The conference, held at Emlyon Business School, Lyon, Paris, also saw the presentation of the EFMD Quality Improvement System (EQUIS) accreditation certificate to Dato' Prof. Dr. Mohd. Roslan Sulaiman witnessed by the Dean of SPE UPM, Prof. Dr. Bany Ariffin Amin Noordin.

UPM Vice Chancellor, Dato' Prof. Dr. Mohd. Roslan

Sulaiman, said UPM is taking advantage of this international recognition to promote higher education in the country and attract the best international talents to Malaysia.

"This effort is also in line with the aspirations of the Higher Education Minister, the Honourable Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, to make Malaysia a talent and knowledge hub or a global centre for learning."


"This will attract top talents from around the world, directly contributing to strengthening the quality and standards of higher education in the country," he said.

"The EQUIS accreditation brings valuable added value to the existing accreditation by

the Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB). It reinforces SPE UPM's position as a leading business education institution in Malaysia and globally," he added.

Last November, SPE UPM joined the elite group of 2% of business schools recognised by EQUIS out of approximately 16,000 business schools worldwide and became the first in Malaysia after successfully clearing the EQUIS accreditation audit for a period of three years.

Meanwhile, Dato' Prof. Dr. Mohd. Roslan attended the annual international conference, which discussed the main theme, the important role of business schools in an unstable, unpredictable, and unsustainable world.



UPM becomes the first university to establish SKSPS PERKESO for 229 athletes

By: Noor Eszereen Juferi
Photo By: Noor Azreen Awang

SERDANG, June 9 – A total of 229 athletes from Universiti Putra Malaysia (UPM) received the Self-Employment Social Security Scheme (SKSPS) Protection Note from the Social Security Organisation (PERKESO), making UPM the first university to receive SKSPS contribution sponsorship involving the sports sector.

This initiative directly safeguards the welfare of the athletes who have brought great pride to the university.

The Director of the UPM Sports Academy, Assoc. Prof. Dr. Tajularipin Sulaiman said that UPM has been selected to receive sponsorship from YAPEIM through PERKESO amounting to RM 69,607.20 to fund SKSPS under the SPS Sports Target Group initiative.

"The protection period for these 229 UPM athletes is for one year, starting on 14 February 2023 until 13 February 2024," he said.

He added that this initiative is in line with UPM's Strategic Plan 2021-2025, Goal 1: Produce



Resilient Graduates Who Can Withstand Challenges, and Goal 3: Create a Sustainable Industry and Community Networking Ecosystem.

"UPM appreciates PERKESO's efforts in seeking sponsors to help fund contributions, especially for UPM athletes, and I hope this cooperation will continue in the future," he said.

Deputy Chief Executive Officer (Operations) of PERKESO, John Riba Marin, stated that UPM is one of the top Public Higher Education Institutions (HEIs) that provides the main reference for the High-Performance Sports

Development Programme for athletes.

"The dedication and spirit shown by the top management of UPM have proven that we are all aligned and concerned about the protection of social security among these UPM athletes," he said.

Through these contributions, UPM athletes will receive a number of benefits provided by PERKESO such as medical coverage, temporary disability, permanent disability, dependents, permanent care, funeral management, physical or vocational rehabilitation, and education loans.

3rd Distinguished Lecture Series on Youth Well-Being, featuring Youth and Sports Minister

By: Noor Eszereen Juferi



SERDANG, April 6 The Institute for Social Science Studies (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), organised the 3rd Distinguished Lecture Series on Youth Well-Being, featuring the Minister of Youth and Sports, YB Hannah Yeoh.

In her lecture titled "The Challenges of

Balanced Youth Development in the Cyber Era," Hannah expressed her view that the youth in Malaysia are a spirited group who, at the same time, are going through a phase of curiosity in their lives and taking time to build their confidence in order to find their direction.

She also shared her own experiences going through that phase and explained the approach to today's youth is different due to the challenges posed by the cyber world, necessitating an appropriate approach to communicate messages to them effectively.

NOTA KETUA EDITOR

Buat pertama kalinya sejak berakhirnya pandemik, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka dijalankan secara menyeluruh.

Ia menjadikan kampus kembali meriah dan bertenaga dengan gelagat para penghuni yang sebahagiannya terdiri daripada pelajar baharu yang pertama kali menjejakan kaki ke menara gading.

Kadar kebolehpasaran graduan UPM telah mencapai 99.4% yang merupakan pencapaian tertinggi dalam kalangan semua universiti awam (UA) di Malaysia. Kejayaan ini menunjukkan UPM berfungsi dengan cemerlang sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) yang menyediakan pendidikan berkualiti.

Selain itu, atlet kita memainkan peranan besar dalam membina imej positif universiti dan negara, dengan mengambil bahagian dan memenangi pingat pada kejohanan Sukan SEA ke-32 di Kemboja.

Dalam keluaran ini, kami akan melaporkan liputan pelbagai acara, aktiviti dan pencapaian yang kami percaya wajar dimaklumkan kepada semua.

Pada kesempatan ini juga, kami ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang artikel yang telah menghasilkan tulisan-tulisan menarik untuk tatapan para pembaca.

Diharapkan anda teruskan inisiatif hebat ini dan kami amat

mengalu-alukan sekiranya anda mahu menyumbang bahan-bahan penulisan bagi menyampaikan laporan-laporan yang bermanfaat untuk dikongsi bersama.

Sebelum mengakhiri ruangan ini, bagi pihak sidang redaksi Tribun Putra, izinkan saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Izani Mohd Zain yang telah berkhidmat dengan penuh cemerlang sebagai Ketua Editor sejak April 2020 hingga Februari 2023.

Kami juga ingin mengucapkan selamat maju jaya atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) di Universiti Malaysia Terengganu.



Saya dengan penuh rendah diri amat berterima kasih di atas peluang yang diberikan bagi menggalas tanggungjawab yang amat mencabar ini. Biarpun kekosongan yang ditinggalkan oleh Prof. Madya Dr. Izani sukar diganti, namun saya berazam untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan kecemerlangan yang ditunjukkan oleh barisan editorial dan para penyumbang artikel dalam menerbitkan Tribun UPM ini akan dapat diteruskan dengan jayanya.

PROF. MADYA DR. MONIZA WAHEED
Ketua Editor
Tribun Putra

UPM, J-KOM dan Yayasan Graduan anjur Himpunan Mahasiswa MADANI

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari & Nur Syamila Kamarul Arefin



SERDANG, 17 Mei – Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) dengan kerjasama Yayasan Graduan dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan himpunan mahasiswa MADANI, di sini malam tadi sebagai usaha memberi kefahaman konsep Malaysia MADANI yang telah diinspirasi oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Arifin Abdu berkata himpunan mahasiswa ini mengangkat martabat Malaysia agar lebih gemilang dalam semua aspek untuk menyebar luas makna MADANI termasuklah kepada 7,000 pelajar

antarabangsa di UPM.

Himpunan ini juga membuka ruang sesi dialog terbuka antara pelajar UPM bersama Ketua Pengarah J-KOM, Datuk Prof. Dr. Mohammad Agus Yusoff dan Penasihat Yayasan Graduan, Datuk Nurulhidayah Ahmad Zahid berkenaan mahasiswa MADANI.

Sementara itu, Pelajar Baccelor Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), UPM, Nur Akmal Awang @ Mohd Noor berkata program seperti ini memberi impak kefahaman kepada anak muda seperti ini konteks mahasiswa MADANI.

"Pada era teknologi ini, mahasiswa perlu ambil tahu apakah bidang pekerjaan yang menjadi rebutan ramai. Ambillah peluang yang ada dan sentiasa kreatif seperti konsep MADANI. Zaman sekarang sudah tidak sama macam dahulu, kita belajar bidang tersebut dan kerja di bidang tersebut.

"Oleh itu, saya sangat bersetuju dengan perkongsian yang di buat hari ini, kita perlu bergerak seiring dengan teknologi agar dapat merebut peluang kerja yang ada di luar sana. Mahasiswa perlu bijak dan jika hendak menyertai politik perlu tahu perjuangan kita," katanya.

Bengkel SERI martabat seni tari melayu

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari



SERDANG, 11 Jun – Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) buat julung kalinya menganjurkan Program Bengkel Seni Tari Melayu 2023 (SERI) bagi memartabatkan seni tarian Melayu khasnya.

SERI yang bertemakan Semarak Tari Sepanjang Zaman ini telah menghimpunkan 150 penggemar serta penggiat seni tari tanpa mengira bangsa untuk bersama-sama berkongsi ilmu dan memelihara warisan seni tradisi.

Fasilitator Kursus Seni Tari Melayu QKB2101 Kumpulan 2, Firdaus Ahmad Sukaimi

berkata, objektif program ini adalah untuk memupuk pelapis seni tari Melayu bagi mengekalkan serta memelihara warisan seni tradisi kepada generasi akan datang.

"Kebanyakan peserta merupakan amatur dalam seni tari tetapi di akhir program mereka berjaya untuk melakukan persembahan dengan baik walaupun hanya dua hari sahaja bengkel ini diadakan bermula semalam hingga hari ini.

"Saya amat teruja melihat peserta cilik berusia 10 tahun yang begitu semangat menyertai bengkel ini bahkan terdapat juga warga emas

yang berbangsa Cina turut serta kerana minat mereka untuk mempelajari seni tarian melayu khasnya," katanya ketika di temui selepas program di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM.

Dalam pada itu, bengkel ini juga memberi cabaran kepada para peserta untuk mempersembahkan tarian secara berkumpulan sewaktu majlis penutup dan mereka diberikan tempoh yang sangat singkat untuk berlatih iaitu sekitar satu jam tiga puluh minit sebelum majlis penutup diadakan.

UPM dan JWN julung kali anjur persidangan pembungkusan makanan ASEAN

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto: Sabri Omar



SERDANG, 13 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Jabatan Warisan Negara (JWN) buat julung kalinya menganjurkan bengkel kelestarian pembungkusan makanan warisan ASEAN dan pengkomersilan untuk pasaran dunia.

Bengkel yang bertemakan 'Mengglobalkan Makanan Warisan ASEAN' ini memberi tumpuan kepada pentingnya memelihara teknik pembungkusan makanan warisan dan meneroka peluang untuk memasarkan produk makanan unik ini di pasaran global dalam mencipta peluang pertumbuhan ekonomi industri makanan rantau ini.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Nazamid Saari berkata penyelesaian yang mampan dalam

pembungkusan dan pengkomersilan makanan ialah penting untuk memelihara dan mempromosikan makanan warisan memandangkan pengguna semakin mencari pilihan yang mampan dalam penggunaan makanan.

"Penggunaan pembungkusan makanan yang mampan menawarkan banyak faedah seperti membantu melindungi alam sekitar dengan mengurangkan sisa dan menggalakkan penggunaan sumber boleh diperbaharui.

Selain Malaysia, bengkel ini turut disertai oleh dua wakil dari setiap negara ASEAN, iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, dan Laos.

Program Iftar Mega Putra 3.0 jalin kebersamaan

Oleh: Noor Eszereen Juferi & Nurul Ezzaty Mohd Azhar
Foto Oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar

SERDANG, 13 April – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan program Iftar Mega Putra 3.0 bagi menjalinkan kebersamaan serta merapatkan ukhwah dalam kalangan warga UPM serta kumpulan sasaran UPM.

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata, penganjuran program ini memberi impak dalam memperkukuh ikatan serta menjalin persefahaman antara warga UPM.

"Saya menyeru kepada warga UPM untuk memanfaatkan persekitaran kepelbagaian di universiti ini bagi memupuk semangat perpaduan antara satu sama lain," katanya.

Program ini dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama oleh entiti Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2022/2023 dan diadakan di Dataran Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKSSAAS), UPM.

Selain itu, Menu Siswa Rahmah dilancarkan bagi membantu pelajar UPM membeli makanan menu berkenaan yang bernilai RM3.50 dengan menggunakan aplikasi Putra Voucher. Pada masa ini, 450 pelajar UPM telah menerima manfaat daripada Putra Voucher iaitu berjumlah RM 82,000.

Turut diadakan penyerahan sumbangan Al Falah daripada Sahabat Masjid UPM dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM kepada tiga staf asnaf, sumbangan baju raya daripada Pusat Perhubungan Alumni UPM untuk 100 pelajar Asnaf/B40, sumbangan duit raya oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM untuk 17 pelajar Asnaf/B40, pelajar OKU B40 UPM dan sumbangan zakat daripada Bank Islam Berhad kepada UPM sebanyak RM30,000.

Program itu juga secara langsung dapat mengukuhkan jalinan kebersamaan dengan agama lain bagi merasai suasana Ramadan dalam program iftar ini.



Sementara itu, sebanyak 17 gerai dibuka untuk agihan makanan antaranya gerai entiti-entiti HEPA termasuk Kolej-Kolej Kediaman, sahabat masjid, WAZAN dan MRT.

Kesemua makanan di setiap gerai telah diberikan secara percuma kepada pelajar yang hadir. – UPM

Larian Diabetes beri kesedaran kepada orang ramai

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin

SERDANG, 3 Jun – Penganjuran program Diabetes Run ternyata mendapat sambutan hangat apabila ramai peserta menyertai program larian di sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM).

Acara larian kali ini dibuat di sekitar UPM disertai kira-kira 800 peserta terdiri daripada pelajar, staf dan masyarakat setempat.

Pengarah Projek Diabetes Run, Prof. Madya Dr. Cheah Pike See, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berkata, acara kali ini terbahagi kepada dua kategori iaitu 5km dan 7km.

Katanya, antara objektif utama program berkenaan adalah bagi memberi kesedaran kepada orang ramai berkenaan

penyakit kencing manis dan mengamalkan gaya hidup sihat sambil beriadah secara santai.

"Kesedaran mengenai bahaya penyakit seperti kencing manis ini tidak hanya dapat dilakukan di dalam hospital tetapi senaman sangat penting untuk lebih sihat."

"Ini adalah salah satu cara untuk mengamalkan gaya hidup lebih sihat. Andai tak mampu berlari berjalanlah setiap hari walaupun 10 minit" katanya.

Sementara itu, peserta Diabetes Run, Mariani Jacob, 35, berkata, andai sudah menghadapi sakit kronik, ubatnya adalah senaman.

"Bukan hanya makan ubat

untuk sembuh, tetapi amalkan senaman untuk lebih cergas serta berasa segar.

"Zaman sekarang ini bukan orang tua sahaja yang menghidap penyakit diabetes. Tetapi golongan muda juga sama. Saya ingin berpesan supaya jaga pemakanan dan bersenamlah sekurang-kurangnya seminggu tiga kali," katanya.

Sementara itu, larian yang bermula jam 8.00 pagi dilepaskan oleh Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UPM, Prof. Dr. Normala Ibrahim dan tamat jam 11.00 pagi. – UPM



Fakulti Pertanian UPM kembang kemahiran pertanian bersama SHG Melaka

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto Oleh: Sekolah Henry Gurney Melaka



MELAKA, 23 Mei – 24 pelajar Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berkongsi ilmu fertisasi penanaman cili dan baja organik vermikompos bersama 29 orang pelajar Sekolah Henry Gurney (SHG), Melaka di sini, hari ini bagi mengembangkan kemahiran ilmu pertanian.

Pensyarah Jabatan Teknologi Pertanian UPM, Dr. Jasmin Arif Shah berkata perkongsian ilmu pertanian dalam program Membina Masa Depan dengan Pertanian 2.0 ini membantu dan menyokong komuniti mengeluarkan hasil tanaman dan memenuhi

kehendak pasaran bagi menjamin sekuriti makanan.

"Perkembangan kemahiran pertanian kepada pelajar SHG, Melaka sedikit sebanyak memberi nilai tambah kepada pelajar-pelajar ini pada masa hadapan dengan dunia pertanian dan ada juga minatnya berjaya dipupuk untuk ceburi bidang ini.

"Pada awalnya ada pelajar SHG di sini yang tidak minat dengan pertanian tetapi setelah melakukan dua aktiviti hari ini secara fizikal mereka berasa tertarik.

"Kita juga hendak

melakukan pemindahan ilmu pertanian kepada komuniti tanpa mengira lapisan masyarakat," katanya yang juga menyimpan hasrat untuk melakukan program pertanian 3.0 di sini.

Sementara itu, Pengarah Program, Tamilarasan A/L E Nagarajan, 23, Bachelor Sains Pengurusan Perlindungan dengan Keupujian berkata perkongsian ini dapat membantu pelajar yang berminat dalam bidang pertanian untuk mula melakukan penanaman dan pengurusan pelbagai jenis tanaman. – UPM

Program In-Situ One Health Problem-Based Learning on Animal, Wildlife, and Ecosystem Health, pupuk kemahiran insaniah pelajar

Oleh: Nur Amira Fauzi



KUCHING, 21 Jun – Dalam usaha memperbaiki kesihatan masyarakat secara menyeluruh, serta memupuk kemahiran insaniah pelajar, program 'In-Situ One Health Problem-Based Learning on Animal, Wildlife, and Ecosystem Health' telah dianjurkan oleh Malaysia One Health University Network (MyOHUN) diketuai oleh pensyarah Fakulti Perubatan Veterinar Prof. Madya Dr Hasliza Abu Hassim serta dibantu enam fasilitator dengan

kerjasama Perbadanan Perhutanan Sarawak.

Seramai 39 peserta terdiri daripada penuntut Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), UPM, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga staf daripada Perbadanan Perhutanan Sarawak menyertai program ini.

Zahir komitmen berterusan untuk UPM tingkat daya saing yang tinggi



Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) ialah salah sebuah entiti di bawah struktur pentadbiran Pejabat Naib Canselor. Pejabat ini bertanggungjawab secara langsung dalam perkhidmatan korporat universiti, iaitu menyelaras proses perancangan, pembangunan dan penilaian pelan strategik serta melaksanakan aktiviti perhubungan, pemasaran dan komunikasi korporat UPM.

Ikuti wawancara bersama Prof. Dato' Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad dalam mengemudi tugasnya sepanjang berkhidmat di UPM dari tahun 1985 sehingga 12 Ogos 2023 bersama wartawan Tribun Putra, Nur Syamila Kamarul Arefin:

1. Sebagai pengarah PSPK apakah misi Datuk dalam mengemudi kelancaran pentadbiran selama berkhidmat di UPM?

Sebelum ini saya telah dilantik sebagai Dekan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) bermula 2011 sehingga 2019 kemudian dilantik semula menjadi Dekan FBMK pada September 2021 sehingga 30 Jun 2023.

Lalu diberi amanah menggalas tanggungjawab sebagai Pengarah Pusat Strategik dan Perhubungan Korporat, (PSPK) UPM selama setahun dari satu Julai 2022 hingga 11 Ogos 2023 demi meneruskan kecemerlangan komunikasi strategik UPM.

Tanggungjawab yang agak besar ini memerlukan komitmen dan kesungguhan untuk menyokong misi dan matlamat organisasi di UPM. Saya mengambil inisiatif dan kepercayaan yang telah diberikan ini bagi memastikan Pelan Strategik UPM 2021-2025 (PSUPM) yang dibangunkan itu berjaya dicapai.

2. Boleh kongsikan cabaran Datuk sepanjang berkhidmat di UPM yang ramai tidak tahu?

Walaupun cabarannya ialah kesuntukan masa, namun imej positif UPM perlu ditingkatkan dengan memberi sumbangan walaupun dalam masa yang singkat.

Selain itu, komunikasi dua hala dan timbal balik antara PTJ dengan orang awam perlu dalam usaha meningkatkan kerjasama, dan tanggungjawab secara kolektif. Bagi menjalankan fungsi publisiti, saya perlu memastikan maklumat yang disampaikan oleh pejabat PSPK ialah sahih untuk disalurkan kepada media. Maklumat yang disalurkan ini perlu diperhalusi supaya mempunyai nilai berita yang tinggi.

Sebagai pengarah PSPK ianya sangat mencabar kerana perlu bekerja di bawah tekanan mengikut garis masa. Sememangnya peranan saya di PSPK sangat penting untuk mendominasi perkhidmatan bagi memantau maklumat yang disampaikan kepada warga UPM,

kementerian dan orang di luar sana melalui pelbagai medium komunikasi secara terancang dan teratur.

Hal ini bagaimanapun sangat penting untuk diselarikan dengan perkembangan teknologi semasa. Peralihan teknologi digital misalnya turut mengubah cara bekerja di PSPK. Justeru, saya perlu menguasainya selangkah di hadapan orang lain selain ia perlu dikelolakan dengan cekap, cepat serta berimpak tinggi.

Perkembangan teknologi pada zaman sekarang ialah cabaran paling besar kerana sebagai seorang pengarah saya perlu pantas dan cekap bagi memastikan permasalahan yang berlaku di dalam organisasi itu tidak berulang lagi pada masa akan datang kerana ia boleh memberikan imej yang buruk terhadap sesebuah organisasi.

Tugas sebagai seorang pengarah di PSPK perlu memastikan pengurusan universiti berada di tahap yang terbaik, cekap dan berkesan. Pengurusan yang efisien dan efektif mampu menyumbang kepada penjimatan dalam pelbagai aspek seperti sumbang tenaga kerja dan peningkatan kadar kepuasan hati pelanggan.

Dalam konteks pencipta kandungan di media sosial, sebagai pengarah saya perlu memastikan PSPK menjadi lebih kreatif, aktif dan dinamis. Pada era digital ini semua maklumat yang dikongsikan adalah secara digital dan ianya menjadi keutamaan. Kaedah serampang dua mata ini membantu untuk menaikkan nama UPM dengan mengupayakan sepenuhnya ruang siber.

Bukan itu sahaja, di PSPK setiap grafik yang dihasilkan perlu meyakinkan dan interaktif agar ianya menjadi daya tarikan pengujung media sosial dan laman sesawang.

Secara keseluruhannya, tugas sebagai pengarah PSPK ini memerlukan pasukan yang ramai agar setiap masalah yang dihadapi oleh UPM dapat diatasi dengan pantas kerana sebarang masalah yang dihadapi bukanlah berlaku secara sengaja malahan ianya tidak dijangka.

Saya perlu sentiasa bersedia dan meyakinkan pandangan masyarakat terhadap sesebuah isu dan memperbetulkannya supaya boleh diterima oleh orang ramai dengan baik.

3. Apakah perkara yang dicapai oleh Datuk sepanjang berkhidmat di UPM?

Walaupun tempoh perkhidmatan saya di PSPK hanya dalam jangka masa pendek, setiap usaha yang disumbangkan akan memberi sumbangan penting dalam meningkatkan imej UPM serta membantu mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Usaha yang berterusan akan memberi nilai tambah dan komitmen kepada UPM dan akan dihargai serta diiktiraf. Oleh itu bagi memastikan Pelan Staretegik UPM 2021-2025 terlaksana, saya telah menubuhkan Seksyen Data Korporat apabila melihat masalah-masalah yang sering timbul. Dengan adanya polisi data melalui garis panduan yang jelas, pengurusan dan perkongsian data memudahkan semua warga UPM untuk memperoleh integrasi data daripada kelompok utama data. Dalam konteks ini, menggalas tanggungjawab sebagai pengarah PSPK perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan tugas-tugas agar semua orang menerima maklumat secara jelas.

Sebagai Dekan di FBMK UPM, sumbangan yang paling besar telah berjaya mengharumkan nama UPM dengan penubuhan Muzium Warisan Melayu pada tahun 2011 dan siap sepenuhnya pada tahun 2014.

Kejayaan sebagai Dekan di FBMK yang telah dirasmikan oleh Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj ialah kejayaan bersejarah yang akan dikenang selamanya.

Penubuhan Muzium Warisan Melayu ini merupakan salah satu produk utama di bawah program Edu Tourism, di mana UPM telah terpilih sebagai universiti awam pertama yang dibuka untuk pelancong di dalam kampus. Lokasinya amat strategik iaitu di FBMK yang berada di laluan ke pintu masuk UPM.

Muzium ini ditubuhkan dengan tujuan khas bagi mengumpul, memelihara dan mendokumentasikan dan dipamerkan kepada umum dan dikaji secara



mendalam oleh para penyelidik dan juga pengkaji warisan. Kewujudan muzium ini akan membuka ruang kepada masyarakat umum untuk mengenali dan menghayati kehebatan warisan Melayu sejak zaman berzaman.

Penekanan diberikan terhadap pengumpulan dan pemuliharaan artifak dan khazanah ketamadunan bangsa Melayu sekitar Semenanjung Malaysia

Muzium ini memainkan peranan penting dalam pendidikan dan penyelidikan di FBMK serta memberikan peluang kepada pelajar, masyarakat, dan negara untuk memperoleh pengetahuan tentang warisan Melayu. Keunikan muzium ini adalah salah satu faktor yang membezakannya daripada muzium-muzium lain di universiti.

Selain daripada pameran dalaman, muzium ini juga menarik dengan menampilkan tiga buah rumah tradisional Melayu yang berusia lebih seratus tahun dari Negeri Sembilan, Perak, dan Terengganu. Ia memberikan pengujung peluang untuk merasai dan memahami gaya hidup tradisional Melayu dahulu kala.

4. Apakah nasihat dan harapan datuk kepada semua warga UPM dalam memastikan UPM akan terus memberi sumbangan terbaik?

Setiap organisasi mempunyai nama sebagai imej dalam kalangan komuniti dan masyarakat, disebabkan ini semua

warga UPM perlu mengekalkan reputasi mereka bagi menjaga nama baik UPM agar kepercayaan diwujudkan.

Semua warga UPM bertanggungjawab mengekalkan reputasi UPM supaya sentiasa baik di mata awam dengan memelihara nama baik UPM ketika menjalankan tanggungjawab. Sama ada sebagai seorang pendidik, penyelidik, pegawai ataupun pelajar, kita seharusnya memupuk sifat daya tahan yang tinggi dan juga berpegang kepada integriti dan etika kerja yang tinggi.

Sesungguhnya, sifat berdaya tahan, berintegriti dan beretika tinggi ini perlu dijadikan fitrah dan tradisi dalam diri kita untuk mendepani arus perubahan ekonomi dan sosial pada masa kini. Kita tidak boleh berkompromi lagi dalam memelihara kualiti dan etika kerja. Inilah transformasi diri yang kita mesti capai dan kekalkan dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

Saya amat berharap agar kita sentiasa komited dan bekerja dengan lebih gigih

lagi untuk mencapai cita-cita yang kita pegang bersama, iaitu untuk menjadikan UPM sebagai sebuah universiti penyelidikan bertaraf dunia (world class) yang lebih kompetitif dan berharap seluruh warga UPM dapat berganding bahu bersama-sama saya dalam usaha kita untuk menjayakan Pelan Strategik UPM UPM 2021-2025 terlaksana.

Oleh itu, saya perlu memberi contoh teladan yang baik dengan melaksanakan tugas dengan iktikad yang ikhlas dan amanah.

“Semua warga UPM bertanggungjawab mengekalkan reputasi UPM supaya sentiasa baik di mata awam dengan memelihara nama baik UPM ketika menjalankan tanggungjawab. Sama ada sebagai seorang pendidik, penyelidik, pegawai ataupun pelajar, kita seharusnya memupuk sifat daya tahan yang tinggi dan juga berpegang kepada integriti dan etika kerja yang tinggi.”

Potensi aplikasi IoT dalam industri makanan

Oleh: Nor Nadiha Mohd Zaki
Pegawai Penyelidik
Institut Penyelidikan Produk Halal, UPM



Industri makanan merupakan salah sebuah sektor penting di Malaysia dan berpotensi untuk merancakkan ekonomi negara. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, negara ini mengimport bahan makanan berjumlah RM 55.4 bilion.

Jumlah ini adalah amat besar bagi sebuah negara yang mempunyai tanah yang subur dan sumber yang banyak. Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohad Uzir Mahidin, negara sangat bergantung kepada import bekalan daging kambing (RM 879.4 juta), mangga (RM 87.9 juta), kelapa (RM 266.1 juta) dan daging lembu (RM 2.2 bilion) untuk memenuhi permintaan domestik.

Saintis meramalkan penggunaan Internet Pelbagai Benda (IoT) bakal merancakkan lagi industri pertanian dan makanan dunia.



Penggunaan IoT industri makanan di Malaysia juga bakal memberikan banyak manfaat dan potensi daripada sumber pertanian dan ternakan.

Dalam pada itu, cabaran utama teknologi dalam industri makanan adalah memerlukan kos yang tinggi.

Teknologi ini memerlukan kos yang tinggi disebabkan perlu menggunakan mesin teknologi pintar yang agak mustahil digunakan oleh pengeluar bahan makanan berskala sederhana dan rendah. Oleh yang demikian, hanya industri makanan yang mempunyai modal yang besar sahaja yang mampu melabur dan menggunakan teknologi ini untuk kepentingan syarikat mereka.



Dalam pada itu, potensi penggunaan kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin di dalam industri makanan adalah sangat meluas, malah ianya telah dipraktikkan di seluruh dunia. Ianya amat berkesan dalam meningkatkan kecekapan dan kualiti dalam pelbagai peringkat pengeluaran makanan.

Teknologi IoT dan pembelajaran mesin boleh dibangunkan pada peringkat pengumpulan bahan mentah sehinggalah kepada terhasilnya sesuatu produk makanan tersebut. Sebagai contoh, pada peringkat bahan mentah, teknologi ini boleh diguna pakai untuk memantau kualiti dan bahan mentah yang memasuki kilang. Cabaran yang paling besar dihadapi oleh pengeluar bahan mentah makanan adalah produk yang dihasilkan tidak sama besar, berat atau warna.

Maka penggunaan kombinasi teknologi kamera, laser dan pembelajaran mesin ini boleh diguna pakai untuk proses menyaring buah atau sayuran yang berkualiti dan tidak berkualiti. Contohnya, sensor pintar yang dipasang di bahagian kemasukan bahan mentah dapat mengesan kualiti buah secara automatik dan dapat mengelakkan kesilapan dan menjimatkan masa semasa proses penilaian kualiti bahan mentah.

Pada masa yang sama, teknologi ini juga dapat digunakan untuk memastikan kualiti produk makanan sentiasa terjamin. Melalui teknik pembelajaran mesin, kualiti makanan seperti warna, tekstur dan rasa dapat dipantau secara automatik, hasilnya ianya dapat mempercepatkan proses pemeriksaan kualiti dan mengurangkan risiko produk rosak.

Antara contoh lain ialah mesin pesanan sendiri berdasarkan kecerdasan buatan. Mesin ini memberikan pengalaman yang menarik kepada pengguna kerana mengurangkan masa mereka menunggu dan keperluan mereka untuk berdiri lama menunggu untuk dilayan. Mesin sedemikian boleh mengambil pesanan pengguna dan membolehkan mereka membuat pembayaran secara langsung tanpa bantuan manusia. Mesin ini telah diguna pakai di restoran makanan segera.

Namun begitu, dengan wujudnya teknologi ini, sumber kebergantungan kepada tenaga buruh juga akan berkurang dan boleh memberi impak kekurangan peluang pekerjaan industri perkhidmatan makanan jika ianya diaplikasikan secara menyeluruh. Laporan daripada BBC News menyatakan teknologi kecerdasan buatan bakal menggantikan 300 juta pekerjaan.



Kesimpulannya, penggunaan IoT dalam industri makanan di Malaysia berpotensi meningkatkan kecekapan dan kualiti pengeluaran, serta memberi manfaat kepada petani, pengeluar dan pengguna. Walau bagaimanapun, ia juga perlu memberi perhatian kepada risiko dan cabaran yang mungkin timbul, dan usaha bersama diperlukan untuk memaksimumkan faedah teknologi ini dan mengelakkan kesan negatif.



Dalam pada itu, potensi penggunaan kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin di dalam industri makanan adalah sangat meluas, malah ianya telah dipraktikkan di seluruh dunia. Ianya amat berkesan dalam meningkatkan kecekapan dan kualiti dalam pelbagai peringkat pengeluaran makanan.

Rehabilitasi hutan, tingkat kualiti tanah



Oleh: Dr. Daljit Singh Karam
Jabatan Pengurusan Tanah
Fakulti Pertanian, UPM

Pembangunan sesebuah negara melibatkan keperluan dana yang tinggi. Dana tinggi ini penting dalam penyediaan infrastruktur bagi kemudahan rakyat, dan meningkatkan taraf hidup masyarakat tersebut. Hasil pendapatan negara datang dari pelbagai sudut seperti pertanian, perkhidmatan, industri, termasuklah penuaian hasil hutan.

Kita bertuah pada saat kita masih berkembang maju ke hadapan, kita masih mempunyai hutan yang luas. Tidak dinafikan kebanyakan hasil hutan seperti kayu balak, rotan, herba dan sebagainya menjadi sumber pendapatan negara kita pada awal kemerdekaan. Ketika itu, kita mempunyai sumber hutan yang luas, dan cara paling senang untuk menjana pendapatan

adalah dengan menuai hasil dari hutan. Walau bagaimanapun, kaedah tidak lestari yang dipraktikkan seperti pembukaan hutan secara berleluasa telah banyak menyebabkan hutan kita musnah, dan tidak berupaya menghasilkan sumber semula jadi yang kita ingini.

Oleh sebab itu, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bertindak selaku pengurus utama hutan di Semenanjung Malaysia, mengambil langkah proaktif dalam melakukan projek rehabilitasi hutan dengan menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian mengikut topografi. Banyak hutan telah diwartakan sebagai hutan simpan, membantu mengekalkan spesies pokok balak berharga seperti meranti tembaga dan keruing.

Saintis Tanah Hutan dan Rehabilitasi Hutan dari UPM telah menjalankan penyelidikan bersama Jabatan Perhutanan Negeri Perak pada awal 2006 hingga 2012 menyatakan bahawa pembukaan hutan tanpa kaedah yang mampan, bukan hanya menyebabkan banyak flora dan fauna musnah dan pupus, malah kesuburan tanah juga menjadi amat rendah.

Tanah yang terbiar dan terdedah tanpa sebarang penutup bumi, terdedah kepada fenomena hakisan tanah. Sekiranya pemuliharaan hutan tidak dilakukan segera, tanah

akan menjadi tandus dan gersang, ditambah lagi dengan cuaca tropika yang mempercepat proses luluh hawa tanah.

Di Hutan Simpan Tapah, Perak, pihak Jabatan Hutan Perak telah memulakan penanaman semula kawasan hutan yang dikategorikan sebagai "miskin" dengan menggunakan Teknik Penanaman Mengaya seawal tahun 1968 di mana tanaman pokok baharu yang bersesuaian ditanam, bersebelahan dengan pokok yang sedia ada.

Keadaan ini dapat membantu mengekalkan kekayaan sumber hutan sedia ada di samping

mengurangkan kesan hakisan tanah. Hasil penyelidikan kualiti tanah yang dijalankan menunjukkan peningkatan kandungan nutrien serta kualiti tanah lebih baik berbanding kawasan hutan yang dibiarkan mengalami pemuliharaan secara semula jadi.

Oleh itu, ramai pelancong dari Amerika Utara dan Selatan dan Eropah datang ke Malaysia untuk melihat sendiri keindahan hutan kita. Dengan keadaan sekarang di mana banyak individu yang tidak bertanggungjawab dan hanya mengejar keuntungan yang suka membuat penebangan pokok hutan secara haram untuk aktiviti perladangan, adalah amat perlu pemantauan yang berterusan, dan di sinilah JPSM sentiasa siap siaga memantau serta mengawasi hutan kita agar tidak dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Apa yang dapat disimpulkan, lebih lama masa rehabilitasi perlu dijalankan sebaik saja penebangan hutan telah dilakukan, kerana tanah di situ perlu masa untuk kembali seperti asal atau mencapai tahap kualiti sama dengan hutan semula jadi. Selain itu, di Hutan Simpan Chikus, teknik pemuliharaan Multi-storied Forest Management digunakan.

Projek pemuliharaan hutan di Chikus adalah hasil kerjasama JPSM bersama Japan International Cooperation Agency

(JICA) pada lewat 1990-an. Hasil kajian perbandingan kualiti tanah juga menunjukkan terdapat peningkatan. Sehingga ke hari ini, hutan simpan ini masih berdiri megah dan sesuai dijadikan plot pengajaran dan pembelajaran.

Hutan simpan ini juga boleh menjadi model "rehabilitasi hutan" sukses dan boleh dijadikan rujukan oleh mana-mana negara yang ingin mempelajari teknik rehabilitasi hutan daripada JPSM untuk diguna pakai di negara mereka.

“Hasil penyelidikan kualiti tanah yang dijalankan menunjukkan peningkatan kandungan nutrien serta kualiti tanah lebih baik berbanding kawasan hutan yang dibiarkan mengalami pemuliharaan secara semula jadi.”

“Tanah yang terbiar dan terdedah tanpa sebarang penutup bumi, terdedah kepada fenomena hakisan tanah. Sekiranya pemuliharaan hutan tidak dilakukan segera, tanah akan menjadi tandus dan gersang, ditambah lagi dengan cuaca tropika yang mempercepatkan proses luluh hawa tanah.”

The Graduate Employability Conundrum



By: Prof. Dr. Zamberi Sekawi
Dean
Faculty of Medicine and Health Sciences
Universiti Putra Malaysia

In today's highly competitive job market, the employability of graduates has become a pressing concern. Despite holding degrees, many graduates face difficulties in finding suitable employment.

This issue can be attributed to several factors, including high salary expectations, a mismatch between academic skills and industry demands, and a lack of practical knowledge and understanding of the job market.

The high salary expectations can be due to the current cost of living and societal perceptions. While it is important for graduates to recognize their skills and worth, finding a balance that aligns with the realities of employers is equally essential.

One of the cruxes of the employability crisis lies in the mismatch between the skills taught in academia and those required by employers.

Many graduates lack a realistic

understanding of salary structures and market demands.

Employers can play a pivotal role in educating graduates about industry standards, compensation correlations, and the importance of gaining experience.

Additionally, career services departments at universities can provide guidance on salary negotiation, helping graduates set more reasonable expectations.

“Employers can play a pivotal role in educating graduates about industry standards, compensation correlations, and the importance of gaining experience. Additionally, career services departments at universities can provide guidance on salary negotiation, helping graduates set more reasonable expectations.”

Furthermore, the involvement of alumni, particularly those in leadership positions, can significantly contribute to graduate employability. Alumni who have become CEOs or have successful careers can play a crucial role in mentoring and guiding current students. Strong and supportive alumni networks could facilitate interactions that can narrow the gap between academia and the professional world.

The recently announced 11th Goals by the Ministry of Higher Education covered on managing various changes and technological explosions that affect the country's higher education plans. As such, universities must proactively adapt their educational approach. Rapid technological

advancements and the emergence of new industries create a demand for versatile graduates who can embrace change and learn new skills.

Universities should reconsider their curricula, emphasizing the inclusion of practical, industry-relevant skills alongside theoretical knowledge. Dropping academic programs that are no longer relevant to current and future job market demands

should also be a priority. This allows universities to focus on developing and offering courses that equip students with the skills and knowledge that are in high demand, thereby enhancing graduate employability and competitiveness in the job market.

Furthermore, fostering an entrepreneurial mindset among future graduates should also be of importance. By equipping graduates with an entrepreneurial mindset, universities enhance their career prospects and empower them to create their own opportunities in an ever-changing job market.

Universities in collaboration with industries can support incubators, and start-up initiatives to support aspiring entrepreneurs and encourage

innovation.

To date, MOHE has taken proactive measures to address these issues by introducing reskilling and upskilling career advancement program to provide tangible support and contribute to bridging the gap between academia and industry demands. While the employability rate for graduates has shown improvement, as indicated by the 2021 data from the Ministry of Higher Education, it is crucial to critically assess the extent of this improvement and consider the broader implications.

Continuous efforts should be made by universities and the Ministry to enhance graduate employability through comprehensive measures.

This includes addressing the skills gap, improving industry relevance, focusing on career development, and ensuring long-term prospects.

It is imperative for all stakeholders to come together and collaborate towards the reformation of our higher education system.

By aligning educational programs with industry demands, managing salary expectations, fostering an entrepreneurial mindset, and continuously adapting to the changing job market, we can create a more favourable environment for graduates to thrive and excel in their careers, hence creating a job market where a larger proportion of graduates' secure meaningful employment and make effective contributions to the economy and society.



UPM produces special Kelah feed to reduce breeding period

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto: Md Nasir Hussin



SERDANG, April 17 – Researchers from Universiti Putra Malaysia (UPM) have successfully developed a special feed formulation for the Kelah fish that can help farmers and entrepreneurs to shorten the duration of fish farming.

The Red Kelah, also known as Raja Sungai or Empurau among the people of Sarawak, can reach a market price of between RM 800 to RM 1,200 per kilogram. This makes it the most preferred fish among farmers and breeders today.

The Head Researcher, Prof. Dr. Mohd Salleh Kamarudin from the Department of Aquaculture, Faculty of Agriculture, UPM, stated that the TropiCarp™ Premium Mahseer Feed technology is the first specialised feed for Kelah in Malaysia. It is produced after researching its nutritional requirements using appropriate and good ingredients.

"The TropiCarp™ Premium Mahseer Feed is developed according to the nutritional requirements for the three stages of the Red Kelah's growth: fingerling, rearing, and fattening. The nutrients not only provide high and optimal growth for the Kelah fish, but also, reduce their harvest time."

"Typically, the Kelah fish takes around three to four years to reach one kilogram in size. However, the use of TropiCarp™ Premium Mahseer Feed shortens the breeding period to one year and five months and the kelah grows to one kilogram within the tank."

"The TropiCarp technology does not contain any prohibited substances, and the manufacturer complies with Good Manufacturing Practices (GMP) and food safety management system (HACCP)," he said.

In addition to Red Kelah or Empurau, TropiCarp™ Premium Mahseer Feed is also suitable for other fish species such as the Blue Kelah, Tengadak, Jelawat, Temoleh, Kerai Kunyit, Tenggalan, and Sebarau.

Also, the TropiCarp technology is designed to prevent water contamination in tanks or aquariums as the feed floats on the water surface, to allow farmers to monitor the quality and quantity of fish.



Machine learning technology predicts Leptospirosis risk occurrence based on weather and environmental effects

By: Assoc. Prof. Dr. Zed Diyana Zulkafli

SERDANG – The Faculty of Engineering, Universiti Putra Malaysia (UPM), the Kulliyah of Medicine, International Islamic University Malaysia (IIUM), and the Department of Civil and Environmental Engineering at Imperial College London, UK, have conducted a collaborative research study with the Department of Health in several states to examine the correlation between the weather and the occurrence of Leptospirosis cases using data analytics and machine learning technology.

Machine learning, in particular, is a data-driven technique that mimics the function of the brain in translating sensory perception into new information. This function is expressed as a general mathematical model that learns the relationship between the input data layers and the events to be predicted through the training process before being used to make new predictions.

In addition, machine learning techniques have an advantage in that they can abstract relationships between diverse data.

Through the study led by UPM using machine learning methods, weather, and environmental data have been used to forecast the probability of Leptospirosis occurrences in Negeri Sembilan, Kelantan, and Pahang.

The study found that environmental temperature, water levels, and rainfall depth play a role in improving the accuracy of early predictions of the risk of Leptospirosis occurrences. The onset of this disease can be predicted as early as 2 to 20 weeks after weather events.

This long-term effect can be attributed to the ability of Leptospira bacteria to survive in the soil for several months. Following an infection, the patient may take two to four weeks before showing symptoms.

To unravel the relationship between the weather, the environment, and the occurrence of this disease, a transdisciplinary approach that encompasses epidemiology, environmental science, and artificial intelligence is necessary. The combination of these areas of expertise is essential in reconfiguring the data into a more meaningful form that can be formulated by the model.

The capability and accuracy of machine learning are affected by the availability of weather and environmental data. Under the same study, a pilot programme for rain and river water data observation was also implemented using low-cost sensors and Internet of Things (IoT) software in some remote areas of Negeri Sembilan.

The exploration of data analytics technology through this study has enabled the prediction of leptospirosis probability and subsequently helped improve preparedness against infections.

Meanwhile, Leptospirosis, commonly known as rat urine disease, is caused by Leptospira bacterial infection from rat and mammal reservoirs. Transmission to humans can occur through contact with contaminated water carrying infected animal faeces through the eyes, nose, mouth, and open skin wounds.

This disease outbreak is often associated with floods. However, the role of weather and flood water in the transmission mechanism of this particular disease has not yet been fully understood. Furthermore, the unpredictable and uncertain nature of the weather makes it difficult to establish a definitive link between the outbreak of Leptospirosis and weather phenomena.



UPM investigates the pollution pattern in Sungai Kuang, Selangor

Oleh: Noor Eszereen Juferi & Dahlan Ismail Abu Bakar

SERDANG, May 31 – The Faculty of Forestry and Environment (FHAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) conducted a study of hydraulic and hydrological pollution patterns in Sungai Kuang, Selangor to develop a database of pollutant dispersion in the river.

The project leader, Assoc. Prof. Dr. Nor Rohaizah Jamil said that the development of this database is to identify the characteristics of the pollutant dispersion in the river by using a degradable dye (Rhodamine Water Tracer). The process is monitored using drones and modern simulations.

"Degradable dyes are used due to their high detectability quality that provides accurate measurement to track movement and dispersion in various water systems such as rivers, lakes, and groundwater."

This study will be carried out in different climates starting from June 2023 (normal climate), November 2023 (monsoon season), and March 2024 (dry season). The findings of this study can help in identifying the location of pollutant accumulation and the planning of action plans should there be a case of water contamination in the river.

"This data will be used during emergencies such as sudden water contamination in Sungai Kuang



while expediting recovery works. This sort of emergency may impact water users," she said.

Rhodamine WT is a bright red dye that attracts attention. The use of this dye in the study may stir various reactions from the surrounding community. However, its short life span in water and its environmentally friendly and non-toxic nature should not affect the aquatic species or impact the food chain ecosystem. Ultimately, the dye is safe to use without endangering the living organisms in the river.

"During the experiment, residents in the area of Sungai Kuang, particularly from Kg. Orang

Asli Kuang to Batu Arang may be able to see the change in the river water colour when the red Rhodamine WT dye passes through the river within their area," she said.

The study is led by UPM, in collaboration with the International Islamic University of Malaysia (UIAM), and TNB Research Sdn. Bhd. They are also assisted by researchers from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Aissvarya johan 3MT peringkat UPM 2023

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari



SERDANG, 18 April – Pelajar ijazah kedoktoran (PhD) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Putra Malaysia (UPM), Aissvarya Shankar dinobatkan sebagai johan pertandingan Tesis Tiga minit (3MT) peringkat UPM 2023 di sini, hari ini.

Kemenangannya itu membolehkan beliau bersama pemenang di tempat kedua dan

ketiga mewakili UPM ke peringkat kebangsaan.

3MT ialah pertandingan penyelidikan yang dibangunkan oleh Universiti Queensland (UQ) bagi menguji keupayaan pelajar PhD untuk menerangkan kepentingan penyelidikan masing-masing kepada penonton di luar bidang dalam masa tiga minit.

UPM juara eMOBIQ Challenge, cipta aplikasi celik wang bagi kanak-kanak

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari



KUALA LUMPUR, 24 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih juara pertandingan eMOBIQ Challenge anjuran Wilstech menerusi ciptaan aplikasi mudah alih 'Fincare' oleh sekumpulan pelajar tahun tiga Bachelors Sains Komputer (Sistem Komputer) dengan Kepujian, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM).

'Fincare' merupakan sebuah aplikasi mudah alih yang membantu kanak-kanak dalam perancangan kewangan dan membolehkan ibu bapa mereka untuk memantau perbelanjaan mereka.

Kumpulan pelajar itu diketuai oleh Tan Ze Han Dylan dan mereka membawa pulang wang sebanyak RM10,000 sebagai hadiah kemenangan yang disampaikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick setelah berjaya menewaskan 127 kumpulan peserta yang lain.

Katanya, idea untuk membangunkan aplikasi mudah alih itu datang daripada kajian kes yang dijalankan bersama ahli kumpulannya dan mendedahkan bahawa satu daripada tiga rakyat Malaysia kekurangan pengetahuan kewangan manakala lebih 50 peratus rakyat Malaysia menggunakan e-dompot setiap hari.

"Kejayaan ini bukan hanya daripada kami sepuluh orang tetapi mendapat bantuan daripada pensyarah pembimbing kami iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Nur Izura Udzir. Terima kasih Dr kerana sentiasa memberi sokongan untuk meraih kemenangan ini," katanya.

eMOBIQ Challenge merupakan pertandingan pembangunan aplikasi tanpa pengkodan yang terbesar pernah diadakan di Malaysia dan terbuka kepada semua institusi pengajian tinggi di Malaysia.

KC juara keseluruhan SUKOL 2023

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari

Foto: Mohammad Izrul Abdul Jabar



SERDANG, 21 Jun – Kolej Canselor (KC), Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara keseluruhan Kejohanan Sukan Kolej (SUKOL) 2022/2023 malah turut merangkul johan keseluruhan SUKOL bagi kategori lelaki.

Sekretariat Sukan Majlis Perwakilan KC, pelajar Bachelors Kimia Petroleum, Fakulti Sains, Ahmad Musthofa Mohd Haniff berkata kejayaan KC menggondol juara keseluruhan setelah berjaya memenangi sembilan acara sukan yang disertai.

"Kami berjaya memenangi sembilan pertandingan sukan iaitu bola keranjang lelaki, bola jaring, tenpin bowling lelaki, petanque wanita, bola tampar lelaki serta wanita,

memanah lelaki dan acara lari berganti bagi kedua-dua kategori," katanya.

Piala pusingan juara keseluruhan telah disampaikan oleh Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Mohd. Roslan Sulaiman bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Ismi Arif Ismail dan Pengarah Akademi Sukan UPM, Prof. Madya Dr. Tajularipin Sulaiman.

Sementara itu, anugerah penganjur SUKOL terbaik diraih oleh Kolej Tan Sri Aishah Ghani (KTAG) manakala Johan keseluruhan SUKOL kategori wanita disandang oleh Kolej Tun Dr Ismail (KTDI).

Filda juara pertandingan UMAC 2023

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin



SERDANG, 27 Mei – Pertandingan Universiti Young Motivator Competition (UMAC) Piala Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Antara Kolej 2023 ini telah dimenangi oleh pelajar Bachelors Sains Kimia dengan Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP), UPM, Filda Mahashim.

Filda Mahashim berkata, beliau terkejut apabila dinobatkan sebagai juara bagi pertandingan UMAC kerana sembilan finalis lagi sangat hebat dalam memberi motivasi dan inspirasi kepada mahasiswa UPM.

"Apa yang saya sampaikan pada syarahan hari ini untuk memberi motivasi dan inspirasi kepada semua mahasiswa UPM agar tidak mudah mengalah dan terus berusaha untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan ini.

"Dalam kehidupan seseorang itu penuh dengan cabaran dan ujian. Jadi sebagai mahasiswa hadapilah ia dengan doa dan berusahalah untuk mencapai kejayaan ini kerana ianya bukan sesuatu yang mudah.

Katanya, kejayaan hari ini adalah pembakar semangat untuknya bagi menjadi pakar motivasi selepas tamat pengajian di UPM dengan membekalkan pengalaman yang ada untuk dikongsikan kepada semua mahasiswa.

UMAC dianjurkan bagi mahasiswa UPM mencungkil bakat dalam pengucapan motivasi. Selain itu mereka yang dinobatkan sebagai juara akan mewakili UPM ke pertandingan Young Motivator Competition (IMAC) 2023.

Tribun PUTRA
Pertanian • Inovasi • Kehidupan

EDITORIAL TRIBUN PUTRA

Tribun Putra

Tribun Putra diterbitkan oleh Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat melalui pelbagai berita, rencana, laporan semasa berkaitan pendidikan dan penyelidikan UPM. Surat dan kiriman artikel hendaklah di alamatkan kepada:

Editor Tribun Putra

Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang, Selangor.

PENASIHAT • Prof. Dato' Dr. Abdul Mu'ti@Zamri Ahmad **KETUA EDITOR** • Prof. Madya Dr. Moniza Waheed **EDITOR** • Dahlan Ismail Abu Bakar **WARTAWAN** • Noor Eszreen Juferi • Nurul Ezzaty Mohd Azhari • Nur Syamila Kamarul Arefin **JURUFOTO** • Marina Ismail Noor Azreen Awang • Mohammad Izrul Abdul Jabar • Sabri Omar • Saleha Haron • Moza'id Idris **PENYELENGGARA ONLINE** • Rosliza Ibrahim • Hairul Nizam Md Nuri **PEMBANTU PENGEDARAN** • Suhaime Yaakub

Keutamaan pemilihan berita dan foto dalam akhbar Tribun Putra ialah berita korporat yang memaparkan pencapaian utama UPM dan berita yang paling berimpak tinggi di peringkat negara dan antarabangsa. Berita yang tidak terpilih untuk disiarkan dalam akhbar Tribun Putra akan disiarkan dalam berita laman web rasmi UPM. Pemilihan berita dan foto ialah hak eksklusif Editorial Tribun Putra.utra.

Telefon : 03-9769 6021 • **Faksimili** : 03-97698972 • **Emel** : moniza@upm.edu.my | tp_pspk@upm.edu.my

Diterbitkan oleh Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Tingkat 3, Bangunan Canselor Putra, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor
Dicetak oleh ALAMEDIA SDN. BHD., NO. 14 Jalan Ip 1A/5, Taman Lestari Perdana, 43300 Seri Kembangan, Selangor